

Soalan No : 14

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 17.11.2014

SOALAN :

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab Universiti Perubatan Johns Hopkins telah menamatkan kontrak program usahasama dengan Perdana University Graduate School of Medicine (Pugsom). Berapa kos yang telah dibelanjakan dan bilangan pelajar yang dilatih dan adakah ia berbaloi berdasarkan kos untuk setiap orang pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian kolaborasi di antara Universiti Perdana dan Universiti Johns Hopkins merupakan *business to business arrangement*. Penamatan kolaborasi antara Universiti Perdana dan Universiti Johns Hopkins adalah disebabkan oleh pertikaian berhubung dengan jumlah bayaran yang dikenakan oleh Universiti Johns Hopkins kepada Universiti Perdana. Memandangkan tiada penyelesaian dan persetujuan dapat dicapai oleh kedua-dua pihak berkaitan perkara ini, Universiti Johns Hopkins memutuskan untuk tidak meneruskan usaha sama dengan Universiti Perdana bermula 31 Julai 2014.

Bilangan pelajar yang mengikuti pengajian di Universiti Perdana adalah seramai 79 orang. Berdasarkan maklumat yang diterima daripada **Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**, jumlah pelajar yang ditaja oleh JPA di Universiti Johns Hopkins adalah seramai 77 orang, melibatkan pelajar kemasukan tahun 2011, 2012 dan 2013. Manakala, dua (2) orang adalah pelajar antarabangsa di bawah tajaan persendirian (*self sponsored*). Sehingga tahun 2013, sejumlah RM32.69 juta telah dibelanjakan bagi membiayai pelajar berkenaan.

RJM118

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

SOALAN : 15

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mengawal jumlah lori yang mempunyai lebihan had muatan berbanding dengan had kemampuan jalan raya semasa dan jika tiada apakah tindakan yang boleh diambil untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lesen pengendali dan permit kenderaan bagi kenderaan barang yang beroperasi di Semenanjung Malaysia dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) kepada individu yang berkelayakan. SPAD tidak menetapkan sebarang had terhadap jumlah permit dan tertakluk kepada keperluan pasaran.

Lesen Pengendali yang dikeluarkan oleh SPAD menetapkan had muatan sepetimana yang digariskan dalam Perintah Sekatan Berat (Jalan Persekutuan) 1989. Antara syarat-syarat lesen yang dikenakan kepada semua pengendali adalah untuk mematuhi had berat maksimum yang dibenarkan.

Bagi membantu pengendali untuk mematuhi syarat ini, SPAD telah mengeluarkan Pekeliling Bil. 8 Tahun 2012 yang memberikan garis panduan dan arahan berhubung jenis kenderaan dan tatacara operasi yang selamat seperti digariskan oleh undang-undang sedia ada.

Perbincangan antara SPAD bersama agensi terlibat seperti Pejabat Tanah Galian (PTG), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) turut diadakan dari masa ke semasa bagi membincangkan isu lebih muatan dalam memastikan aspek keselamatan dan tahap perkhidmatan operasi dipenuhi.